

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19 April 2016

SOALAN

Datin Rahimah binti Haji Mahamad minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan persediaan Malaysia yang bakal muncul sebagai negara tua (old nation) menjelang 2030 ekoran peningkatan jumlah warga emas di seluruh negara.

JAWAPAN

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT Tuan Yang Dipertua, Warga emas di Malaysia merujuk kepada individu yang berumur 60 tahun dan ke atas seperti yang diterima pakai oleh United Nations World Assembly on Ageing di Vienna, Austria yang diadakan pada tahun 1982. Berdasarkan unjuran yang dibuat oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, sesebuah negara akan menjadi negara tua apabila penduduknya yang berumur 60 tahun ke atas mencapai 15% daripada jumlah keseluruhan penduduk. Dalam hal ini, sepertimana yang dinyatakan dalam Dasar Warga Emas Negara, Malaysia dijangka mencapai status negara tua menjelang tahun 2030. Bilangan warga emas pada tahun 2015 adalah seramai 2.8 juta orang atau 9% daripada 31 juta orang penduduk Malaysia. Berasaskan unjuran yang dibuat oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pula, negara kita dijangka mencapai status negara tua pada tahun 2035 apabila 15% daripada jumlah penduduk merupakan warga emas. Berasaskan unjuran tersebut, warga emas di Malaysia pada tahun 2035 adalah seramai 5.60 juta orang. Tuan Yang DiPertua, Kerajaan telah mengambil langkah persediaan awal dengan menggubal Dasar Warga Tua Negara pada tahun 1995. Selaras dengan perubahan demografi, keperluan semasa dan cabaran masa hadapan, KPWKM telah mengambil inisiatif untuk mengkaji semula Dasar Warga Tua Negara dan Pelan Tindakannya. Susulan daripada kajian semula ini, Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakannya telah diluluskan oleh Kerajaan pada 5 Januari 2011. Bagi tujuan memantau pelaksanaan Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakannya dan juga bertindak sebagai badan penasihat, Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara telah ditubuhkan pada 22 Mei 1996. Majlis ini dipengerusikan oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sementara ahli-ahlinya terdiri daripada kementerian/agensi Kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pihak berkepentingan yang mewakili golongan warga emas. Antara isu utama yang dihadapi oleh warga emas dan dipantau di bawah Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara ialah isu kesihatan, persediaan kewangan yang mencukupi untuk menghadapi hari tua dan kemudahan serta infrastruktur yang mesra warga emas Tuan Yang Dipertua, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turut menawarkan perkhidmatan sosial berbentuk bantuan kebajikan dan kewangan seperti Bantuan Orang Tua (BOT), penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), pengjagaan warga emas di institusi seperti Rumah Seri Kenangan dan Rumah Ehsan serta program pemerkasaan ekonomi warga emas. Selain itu, JKM dengan kerjasama Majlis Pusat Kebajikan SeMalaysia (MPKSM) telah melaksanakan program pengangkutan iaitu Unit Penyayang Warga Emas (UPWE) secara perkongsian bijak mulai Mei 2008. Hingga Disember 2015, seramai 32,535 orang warga emas telah mendaftar di PAWE. Bagi menampung permintaan warga emas yang semakin meningkat, Kerajaan bercadang untuk mewujudkan 222 buah PAWE di setiap kawasan Parlimen secara berperingkat (1 Parlimen, 1 PAWE). Bantuan Orang Tua juga telah diagihkan kepada 141,493 orang warga emas yang melibatkan peruntukan kewangan sebanyak RM502,171,062 iaitu 29% daripada peruntukan keseluruhan Bantuan Kebajikan bagi tahun 2015. Tuan Yang Dipertua, Penyelidikan juga merupakan elemen yang penting sebagai persediaan negara untuk menjadi negara tua. Sehubungan itu, Institut Gerontologi, Universiti Putra Malaysia yang merupakan satu-satunya institut penyelidikan yang memberi tumpuan kepada kajian penuaan dan warga emas sejak tahun 2002 telah dijenamakan semula sebagai Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia. Kajian terkini bertajuk "Kemudahan dan Perkhidmatan Bagi Menepati Keperluan Warga Emas Di Malaysia Menjelang 2030" sedang dijalankan oleh Universiti Putra Malaysia bermula September 2015 hingga September 2016. KPWKM yakin bahawa Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara merupakan satu bentuk rancangan rapi dalam merencana peningkatan kualiti hidup warga emas bukan sahaja daripada aspek kesihatan, sosial dan ekonomi malah ia turut merangkumi semua aspek berkaitan warga emas.

